



JURNAL LINGUISTIK Vol. 29 (1) Mei 2025 (080-098)

Lakuan Bahasa Bach & Harnish (1979) dalam Cerpen Komsas Bertajuk “Munsiyi”

Sara Beden

sara.beden@ipgm.edu.my

Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Tun Abdul Razak
Sarawak.

Tarikh terima : 18 Disember 2024
Received
Terima untuk diterbitkan : 4 Mac 2025
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 31 Mei 2025
Published online

Abstrak

Lakuan bahasa atau ilokusi bahasa berfungsi untuk mengucap atau menyampaikan sesuatu yang berfungsi untuk meminta pendengar atau penerima melaksanakan tindakan. Lakuan bahasa amat signifikan dalam sesebuah karya sastra bagi memastikan objektif untuk menyampaikan mesej dan perasaan jelas dan berkesan. Sekiranya ilokusi tidak jelas, maka perkara ini menimbulkan kekeliruan dan menjejaskan objektif komunikasi. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkategorikan dan menganalisis ilokusi dalam teks Komsas, iaitu cerpen “Munsiyi” karya Husna Nazri (2014). Kajian ini mengaplikasikan kaedah kepustakaan dengan memberikan fokus kepada analisis teks. Teori yang diaplikasi sebagai landasan analisis ialah kerangka Ilokusi Bahasa Bach & Harnish (1979). Hasil dapatan menunjukkan bahawa LB1, iaitu kategori arahan memperlihatkan penggunaan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 9/24 ataupun sebanyak 37.5 peratus. Kedua tertinggi ialah kategori LB4, iaitu pengakuan sebanyak 7/24 atau 29.2 peratus. Sementara penggunaan kategori LB3 pengumuman pula sebanyak 6/24 atau 25.0 peratus. Penggunaan yang terendah ialah kategori perjanjian LB2 sebanyak 2/24 atau 8.3 peratus. Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa LB1, iaitu kategori arahan amat signifikan dalam data korpus karya kreatif, genre cerpen (Munsiyi) menerusi ilokusi permintaan, larangan, pertanyaan dan menasihati. Impaknya, penggunaan pelbagai ilokusi bahasa untuk menyampaikan hasrat, komitmen dan harapan berupaya untuk menzahirkan corak pemikiran serta tindakan penutur dan pendengar agar berupaya menjadikan komunikasi lebih signifikan serta mencapai objektif dan matlamat komunikasi.

Kata kunci: Arahan, pengakuan, perjanjian, pengumuman, ilokusi, komunikasi

The Speech Act Theory of Bach & Harnish (1979) in the KOMSAS Short Story Titled “Munsiyi”

Abstract

Speech acts or illocutionary acts function as a means of expressing or conveying something with the purpose of prompting the listener or recipient to perform an action. Speech acts are highly significant in literary works to ensure that the objective of delivering messages and emotions is clear and effective. If the illocutionary act is unclear, it may lead to confusion and hinder the objective of communication. Therefore, this study aims to categorize and analyze illocutionary acts in the Komsas text, specifically the short story Munsiyi by Husna Nazri (2014). This study employs a literature-based method with a focus on text analysis. The theoretical framework applied as the basis for analysis is the Illocutionary Acts framework by Bach & Harnish (1979). Findings indicate that LB1, which represents the directive category, exhibits the highest usage, accounting for 9 out of 24 instances

or 37.5 percent. The second highest is LB4, the acknowledgment category, with 7 out of 24 instances or 29.2 percent. Meanwhile, the use of LB3, the announcement category, accounts for 6 out of 24 instances or 25.0 percent. The lowest usage is found in LB2, the agreement category, with only 2 out of 24 instances or 8.3 percent. These findings clearly demonstrate that LB1, the directive category, is highly significant in the corpus data of creative works, particularly in the short story genre (Munsi), through illocutionary acts of requests, prohibitions, inquiries, and advice. The impact of employing various illocutionary acts to express intentions, commitments, and hopes enables the articulation of speakers' and listeners' thought patterns and actions, thereby making communication more meaningful and achieving its objectives and goals.

Keywords: directives, acknowledgments, agreements, announcements, illocutionary act, communications

1. Pendahuluan

Komunikasi ialah satu simbolik untuk memulakan suatu perhubungan kerana menjadi permulaan untuk manusia berinteraksi dengan orang di sekelilingnya. Manusia tidak dapat mengembangkan idea dan menyebarkan maklumat mahupun mesej kepada pihak lain tanpa berkomunikasi. Impaknya, seseorang individu akan menjadi antisosial dan mengalami kesukaran untuk berinteraksi dan menyesuaikan diri dengan pihak di sekitarnya. Justeru, komunikasi sangat penting sama ada secara bertulis, secara verbal dan nonverbal dalam sekumpulan manusia yang berinteraksi. Ronald B. Adler dan George Rodman (2003) menegaskan bahawa tanpa interaksi, satu kumpulan manusia bukanlah sebuah kumpulan. Abdul Aziz Yusof (2003) pula menegaskan bahawa komunikasi merupakan proses yang melibatkan penyampaian idea dan perasaan kepada pihak lain. Pandangan ini dapat diasosiasikan dengan luahan perasaan dan emosi penutur (speaker) kepada pihak yang lain atau pendengar (hearer) sama ada secara lisan mahupun bukan lisan. Luahan fikiran, perasaan dan emosi kepada pendengar mahupun pembaca lazimnya terdapat dalam semua wacana lisan dan bertulis termasuklah bahan kreatif, iaitu karya sastera. Komunikasi merupakan aktiviti pemerkasaan linguistik yang tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan sehari-hari, kerana manusia ialah makhluk sosial yang menggunakan ilokusi untuk menyampaikan sesuatu bagi mencapai hasrat dalam berkomunikasi.

Searle (1969) memperjelas bahawa ilokusi atau lakuan bahasa merupakan tindakan-tindakan dalam komunikasi. Setiap ayat yang dituturkan mengandungi tindakan, antaranya berjanji, berbentuk permintaan, pertanyaan, permisif dan keperluan. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila seseorang melakukan pertuturan sebenarnya dia telah melakukan sesuatu bentuk tindakan. Hanna dan Richards (2019) pula mendapati bahawa ilokusi bahasa merupakan elemen penting yang menjadi agen komunikasi dalam perbualan. Kedua-dua sarjana ini berpendapat bahawa komunikasi yang efektif dalam situasi berorientasikan tugas (*task-oriented situations*) memerlukan interaksi peringkat tinggi. Justeru, ilokusi bahasa membicarakan kata yang terdiri daripada kata kerja yang bermakna dan pertuturannya memperlihatkan tingkah laku yang terdiri daripada pelbagai jenis. Kata kerja yang tergolong dalam kategori ini dinamakan kata kerja performatif, antaranya minta, mohon, arah, perintah (Searle, 1969, Bach & Harnish, 1979). Searle (1979), turut mengemukakan kategori ilokusi bahasa yang dibahagikan kepada empat kategori, iaitu penegasan, arahan, komisif, ekspresif dan perisytiharan dalam memperlihatkan kriteria yang pelbagai. Bagi Searle, setiap ilokusi bahasa turut bersejajaran dengan kesopanan sama ada positif mahupun negatif bagi menyampaikan hasrat komunikasi.

Aminnudin Saimon et al (2021) pula menegaskan bahawa ilokusi bahasa tidak hanya bergantung pada ayat, kata kerja performatif, pemilihan dan kejelasan ayat, namun keberkesanan ilokusi bahasa juga bergantung pada pemilihan istilah, ayat yang tepat, mudah difahami dan jelas. Pemilihan istilah yang tepat seperti menasihati, berjanji dan meminta dalam ilokusi bahasa menjadikan mesej komunikatif penutur mudah difahami makna sebenarnya. Perkara ini pernah ditegaskan oleh Cerny (2007) yang mengatakan bahawa pemilihan leksikal, ayat pendek dan pemilihan istilah dalam sesuatu ilokusi bahasa lebih cenderung menjadi jelas dan lebih mudah difahami berbanding dengan ayat yang panjang dan kompleks. Justeru, dapat diperjelas bahawa dalam komunikasi, penutur atau penyampai maklumat wajar menggunakan ayat yang bukan sahaja pendek namun gramatis agar struktur ayat dan aspek semantiknya tepat. Lakuan bahasa bukan sahaja berfungsi untuk menyatakan atau

menyampaikan sesuatu, juga berfungsi untuk meminta pendengar atau penerima melakukan sesuatu. Chaer dan Agustina, (2010: 53) menjelaskan bahawa tindak tutur ilokusi ialah tindak tutur yang biasanya diidentifikasikan dengan kalimat performatif yang eksplisit atau konkrit. Penggunaannya, mengupayakan penyampaian maklumat yang berkesan sama ada dalam komunikasi bertulis mahupun komunikasi lisan dalam pelbagai jenis wacana kepada penerima mahupun khalayak pembaca untuk melaksanakan tindakannya.

Sehubungan dengan itu, karya sastera seperti genre novel, cerpen, drama dan puisi merupakan wacana dan komunikasi bertulis untuk menyampaikan mesej, pesanan, pengajaran, luahan perasaan, emosi, penyampaian citra estetika, pemikiran, ideologi dan falsafah. Dalam memastikan perkara-perkara tersebut sampai kepada pendengar mahupun pembaca, maka pengarang bertindak dengan menggunakan kekuatan bahasanya untuk memilih dan menggunakan diksi, frasa dan ayat yang sesuai, tepat dan jelas serta diperkaya dengan unsur estetika. Oleh itu, lakuan bahasa atau ilokusi tidak dapat dipisahkan daripada sesebuah genre sastera yang dicipta oleh pengarang menerusi penggunaan kosa kata, frasa dan ayat yang menunjukkan perlakuan yang dizahirkan oleh watak-watak menerusi dialog dan tingkah laku watak. Pengarang umpama seorang arkitek pembinaan yang membina keutuhan struktur teks ciptaannya menerusi bahasa agar pemikiran dan falsafahnya sampai kepada pembaca atau khalayak menerusi teknik penyampaian dan gaya bahasanya. Lakuan bahasa yang digunakan oleh watak-watak dalam dialog dan pernyataan fikiran akan menyerlahkan peranannya sebagai pemeran utama mahupun sampingan dalam sesebuah cerita kerana perlakuan bahasanya membentuk dan menyirati idea utama, persoalan-persoalan, nilai dan pengajaran yang diambil tindakan dan dihayati oleh watak lain dalam cerita mahupun khalayak yang di luar teks.

Kajian ini membincangkan lakuan bahasa dalam cerpen *Munsi* yang merupakan salah sebuah cerpen dalam *Antologi Jaket Kulit dari Istanbul* (2014). Walaupun naskhah ini merupakan karya kreatif, namun ilokusi atau lakuan bahasa harus jelas agar komunikasi berjalan lancar dan diterima pendengar. Antologi ini merupakan teks yang digunakan oleh para murid tingkatan empat di sekolah menengah seluruh Malaysia mulai tahun 2014. Antologi ini mengandungi pelbagai genre sastera seperti novel, cerpen, drama, sajak, puisi tradisonal dan prosa klasik yang merupakan bahan komponen sastera (Komsas). Komsas diintegrasikan dalam subjek Bahasa Melayu mulai tahun 2000 secara berperingkat dari tingkatan satu sehingga tingkatan tiga dan tingkatan empat sehingga tingkatan lima (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003). Kewajaran memasukkan unsur Komsas juga dapat dilihat berdasarkan kekuatan bahan ini dalam memotivasikan murid untuk belajar melalui bahan-bahan yang dibaca kerana menyalurkan pemikiran positif, kreatif, dan kritis dalam proses pendidikan seumur hidup. Bahan-bahan Komsas akan dapat menarik perhatian murid untuk menghayati karya sastera yang kaya dengan pelbagai mesej dan nilai-nilai murni menerusi lakuan bahasa para watak. Zul Fikri Zamir Mohamad Munir (2012:13) memberikan pandangan bahawa penyerapan teks sastera ke dalam sistem pendidikan negara ialah contoh strategi bijak kerajaan terutamanya bagi memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pengembangan potensi individu secara seimbang dan harmonis. Pandangan ini menunjukkan kepentingan bahan Komsas kepada para murid dalam meningkatkan keinsanan dalam diri mereka melalui perlakuan bahasa yang positif. Karya sastera yang menyerlahkan penggunaan lakuan bahasa yang jelas, sesuai, relevan, konkrit dan tepat berupaya menyampaikan mesej, perasaan dan idea utama yang memberikan makna kepada penerima.

Ringkasnya, kajian ini bertujuan untuk mengkategorikan dan menganalisis ilokusi dalam teks cerpen *Munsi* karya Husna Nazri (2014) dengan mengaplikasikan kerangka Ilokusi Bahasa Bach & Harnish (1979). Dalam sesebuah karya kreatif sudah tentu seseorang pengarang harus memiliki kekuatan bahasa untuk menyampaikan tema, mesej, persoalan dan pengajaran kepada khalayak menerusi nasihat, motivasi dan cadangan-cadangan yang bernas. Aspek-aspek ini menjadi lebih berkesan apabila pengarang menggunakan lakuan bahasa yang sesuai agar mudah diterima oleh pendengar. Oleh itu, kajian ini akan membuktikan penggunaan lakuan bahasa oleh watak-watak untuk memastikan lawan tutur mentaati dan memahami nasihat, hasrat, harapan dan impian serta berlakunya persetujuan agar hubungan bebas konflik.

2. Sorotan Literatur

Sorotan literatur dalam kajian ini membuat penelitian terhadap kajian ilokusi dengan menggunakan pelbagai data korpus sama ada dalam komunikasi secara bertulis mahupun komunikasi lisan. Hetti Waluati Triana & Idris Aman (2011) telah mengkaji ilokusi tutur menolak generasi muda Minangkabau moden dengan menggunakan kerangka analisis perbualan Hymes (1972, 1974) yang lebih dikenali dengan akronim S.P.E.A.K.I.N.G. manakala kesantunan strategi menolak dianalisis dengan skala pragmatik Leech (1983) dan kemudian dibandingkan dengan strategi kesantunan Melayu oleh Noriati (2005). Dapatan ini mengisyaratkan bahawa ilokusi tutur menolak bukan hanya merupakan ilokusi linguistik, bahkan juga merupakan ilokusi sosial yang boleh mencerminkan ilokusi kolektif generasi berkenaan. Selain itu, dapatan juga menunjukkan bahawa dalam interaksi sosial generasi muda Minangkabau moden, terdapatnya perbezaan ilokusi tutur menolak antara lelaki dengan perempuan dari segi leksikon, kod dan strategi yang dipilih dalam ilokusi tutur menolak.

Maslida Yusof & Karim Harun (2015) pula meneliti fungsi komunikasi melalui ilokusi tutur yang disampaikan oleh pengguna media sosial melalui ruangan kemas kini status (*update status*) dengan menggunakan kerangka ilokusi tutur Searle (1969). Kajian ini mendapati status yang dihantar bukan sahaja menunjukkan kategori khusus ilokusi tutur namun kebanyakan status menunjukkan kategori gabungan beberapa ilokusi tutur dalam satu status. Kategori ilokusi tutur yang ditemukan dalam ruangan status *facebook* ialah representatif, ekspresif dan direktif. Kajian ini menunjukkan bahawa status yang dihantar sama ada dalam bentuk pernyataan, berita, petikan atau jenaka turut memperlihatkan suatu ilokusi tutur yang hendak disampaikan dan dikongsi bersama dalam rangkaian sosial mereka.

Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) telah mengkaji penggunaan lakuan pertuturan dalam mesyuarat dengan menggunakan ilokusi Bach dan Harnish (1979). Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujud pelbagai jenis lakuan pertuturan dalam mesyuarat yang merupakan suatu wadah perbincangan dalam bentuk komunikasi lisan. Lakuan yang paling banyak digunakan ialah lakuan arahan dan pengumuman. Tuntasnya, semua kategori lakuan pertuturan yang dikemukakan oleh Bach dan Harnish telah digunakan dalam mesyuarat yang dikaji. Lakuan pertuturan digunakan dalam mesyuarat dengan pelbagai strategi bertujuan untuk memenuhi matlamat penutur.

Sharifah Farah Adila Syed Faizal Badrul (2016) pula memberi tumpuan terhadap lakuan bahasa menolak dalam *Filem Labu dan Labi*. Fokus utama kajian ini adalah untuk menganalisis lakuan bahasa menolak dengan memperlihatkan secara jelas strategi penolakan yang digunakan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat lapan strategi penolakan yang digunakan dalam filem “Labu dan Labi”. Kajian ini juga menunjukkan bahawa penutur kurang menjaga air muka ketika melakukan lakuan bahasa penolakan. Impaknya, penutur didapati kurang mempraktikkan kesantunan semasa mengujarkan penolakan dalam filem tersebut.

Zanariah Ibrahim, Maslida Yusuf & Karim Harun (2017) pula telah membuat penelitian terhadap ilokusi bahasa yang digunakan oleh guru pelatih untuk menyampaikan isi pelajaran berdasarkan teori lakuan tuturan dan komunikasi Bach dan Harnish (1979). Kajian menunjukkan ujaran direktif responden terdiri daripada subkategori ilokusi bahasa direktif permintaan, pertanyaan, keperluan, larangan, permisif dan nasihat. Kajian ini juga mendapati, dalam subkategori ilokusi bahasa direktif, ujaran direktif berbentuk keperluan yang terdiri daripada ayat suruhan paling kerap diujarkan oleh guru pelatih. Lakuan direktif dapat menyerlahkan kewibawaan dan ketegasan si penutur kepada pihak pendengar. Kesimpulannya, kajian menunjukkan bahawa guru pelatih IPGM mempunyai kecekapan pragmatik dalam komunikasi di bilik darjah terutama sewaktu memberikan arahan kepada murid.

Muhammad Zuhair Zainal (2017) pula mengkaji ilokusi guru dalam pengajaran bahasa Melayu dengan menggunakan pendekatan pragmatik berpandukan pengkategorian ilokusi dan fungsi ilokusi yang dikemukakan oleh Leech (1983) dalam Prinsip Kesopanan. Hasil kajian menunjukkan bahawa guru menggunakan ilokusi tersebut untuk bersaing, beramah tamah dan berkolaboratif. Kajian juga

menunjukkan bahawa terdapat ujaran yang dituturkan mempunyai dua bentuk ilokusi yang berbeza dan fungsinya turut berbeza. Kajian ini penting dijadikan panduan kepada para guru supaya ujaran yang dituturkan oleh mereka dalam sesi pengajaran mengandungi ilokusi yang bersesuaian dengan kemampuan kognitif supaya fungsi ilokusi tersebut dapat difahami dengan jelas.

Dylgjeri (2017) telah menjalankan kajian yang bertajuk ‘Analysis of Speech Acts in Political Speeches’ dan mendapati bahawa wacana pengucapan ahli politik merupakan satu aktiviti kompleks yang menuntut pengkajian yang kritis disebabkan oleh ahli politik sebagai pusat organisasi dan pengurusan masyarakat. Kajian ini menggunakan teori Austin (1962) dan Searle (1969) dan menganalisis ucapan kemenangan Edi Rama pada pilihan raya Albania berdasarkan ilokusi bahasa dan kategorinya. Dapatan menunjukkan bahawa ucapan Edi Rama banyak menggunakan ilokusi bahasa komisif yang dapat menarik hati dan fikiran rakyat dengan harapan yang besar dan janji untuk masa depan yang lebih cerah. Dapatan juga menunjukkan watak Edi Rama bersemangat, bersikap jujur, menjanjikan dan mendorong orang untuk bekerja lebih keras bagi memenuhi sepenuhnya proses pemilihannya. Kesannya, peratusan terbesar tindakan ilokusi yang dilakukan adalah tindakan berkompromi, kemudian tindakan ilokusi asertif dan ekspresif.

Aminuddin Saimon (2019) telah mengkaji lakuan bahasa dengan menggunakan empat buah filem Melayu terpilih, iaitu *Seri Mersing*, *Semerah Padi*, *Hang Tuah* dan *Lancang Kuning*. Kajian ini mengaplikasikan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969). Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 1391 lakuan bahasa yang terdapat dalam keempat-empat buah filem tersebut. Lakuan bahasa asertif paling tinggi penggunaannya sebanyak 671, lakuan bahasa direktif sebanyak 442, lakuan bahasa komisif sebanyak 96 dan lakuan bahasa deklaratif sebanyak 6 kekerapan. Dapatan ini memperlihatkan kewibawaan Lakuan Bahasa Searle dalam merungkai makna komunikatif hajat penutur. Setiap ujaran penutur dapat difahami menerusi lakuan bahasa yang diujar bagi mencapai objektif komunikasi.

Abd Ganing Laengkang, Rohaidah Haron & Razak Ab Karim (2019) telah memberi tumpuan terhadap ujaran-ujaran yang terdapat dalam 40 artikel kritikan Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB. Kajian ini mengaplikasikan salah satu kategori ilokusi bahasa yang diperkenalkan oleh Searle (1969), iaitu ilokusi ekspresi. Ilokusi ekspresi ialah ujaran-ujaran yang menunjukkan pernyataan psikologi yang memberi gambaran tentang sikap dan perasaan penutur. Analisis mendapati ilokusi ekspresi menunjukkan bilangan ujaran paling sedikit berbanding dengan kategori ilokusi bahasa yang lain, iaitu sebanyak 20 kekerapan. Ilokusi pernyataan mencatatkan kekerapan tertinggi, dengan jumlah kekerapan sebanyak 1302 ujaran, diikuti oleh ilokusi kritikan di tempat kedua dengan kekerapan sebanyak 828. Ilokusi rujukan dan ilokusi arahan masing-masing dengan kekerapan sebanyak 297 dan 128. Hal ini menunjukkan bahawa Tun Dr. Mahathir melakukan kritikan tanpa mengutamakan ekspresi perasaan atau emosi. Sebanyak tujuh subilokusi ekspresi yang ditemukan, iaitu ilokusi bimbang, hairan, ucapan selamat, kehendak, enggan, minta maaf dan ucapan terima kasih. Ringkasnya, dalam kritikan bertulis, Tun Dr. Mahathir tidak menunjukkan ekspresi emosi yang berlebihan.

Normah Ahmad et al (2020), meneliti penggunaan ilokusi bahasa permintaan dalam kalangan para pelajar Melayu berdasarkan pelbagai konteks situasi dalam domain sosial tertentu. Kaedah Tugas Penyempurnaan Wacana (TPW) diadaptasi untuk memperoleh maklumat daripada 20 orang pelajar UiTM berdasarkan 10 konteks situasi ilokusi bahasa permintaan. Analisis ilokusi bahasa permintaan dilakukan berdasarkan kategori permintaan yang dikemukakan oleh Blum-Kulka, House dan Kasper serta strategi permintaan yang dikemukakan oleh Hassall dan prinsip kesantunan Asmah. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar Melayu menerapkan penggunaan urutan permintaan yang jelas dalam menyampaikan ilokusi bahasa permintaan mengikut konteks situasi dan domain tertentu. Konteks situasi yang mendesak untuk diri sendiri menunjukkan penggunaan tindakan sokongan yang lebih banyak, berbanding konteks situasi yang mewakili sesuatu pihak. Penggunaan substrategi performatif pembatas (SS3) merupakan tindakan sokongan yang paling dominan diperoleh daripada maklum balas responden. Substrategi tersebut dapat dilihat menerusi penggunaan kata kerja bantu bagi menyokong ilokusi utama untuk menyantuni pihak pendengar supaya tidak merasa ujaran tersebut suatu arahan atau keterpaksaan dalam memenuhi permintaan tersebut.

Harshita Aini Haroon et al (2020) dalam kajian bertajuk “Ilokusi Ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018” telah menggunakan kerangka teori Bach dan Harnish (1979). Secara keseluruhan dapatan menunjukkan keempat-empat LT, iaitu LT Pengumuman (Constatives), Arahan (Directives), Perjanjian (Commissives) dan Perakuan (Acknowledgements) diaplikasikan oleh pengucap. LT Pengumuman dan LT Arahan telah digunakan secara khusus untuk mempengaruhi dan meyakinkan pendengar akan hujah yang dikemukakan dalam PAU 2017 berbanding dalam PAU 2018. Kajian juga menunjukkan selepas PRU14, pengucap lebih banyak mengaplikasikan LT Perjanjian dan LT Perakuan. LT Perjanjian dalam teks 2018 adalah sebanyak 10.3% berbanding 4.5% pada 2017 dan LT Perakuan dalam teks 2018 adalah sebanyak 9.3% berbanding 5.4% pada 2017. Perubahan ini disebabkan oleh keperluan bagi Zahid untuk menyesuaikan tutur katanya dengan senario sosiopolitik pada tahun 2018. Hal ini membuktikan bahawa senario sosiopolitik jelas mempunyai kesan terhadap jenis LT yang digunakan dalam ucapan ahli politik dan menyampaikan mesej kepada ahli politik supaya memastikan ucapan yang disampaikan mengandungi LT yang sesuai dengan keadaan semasa.

Aminnudin Saimon et al (2021) telah membuat kajian ilokusi bahasa dengan menggunakan teks ucapan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat (YAB) Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin Mohd Yassin berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan. Dapatan menunjukkan kategori ilokusi bahasa arahan yang dinyatakan oleh Bach & Harnish (1979), iaitu permintaan, keperluan, pertanyaan, larangan, nasihat dan permisif diaplikasikan oleh penutur. Hasil dapatan mendapati ujaran paling banyak ialah LBA Keperluan, iaitu sebanyak 21 kali. Hal ini selari dengan inti pati ucapan yang sememangnya berkisar tentang keperluan menurut perintah. Kemudian diikuti pula oleh LBA nasihat 15 kali, LBA permintaan (10), LBA larangan (7) dan bagi LBA pertanyaan dan permisif masing-masing hanya satu. Secara keseluruhannya, sebanyak 55 ilokusi bahasa arahan yang terdapat dalam teks ucapan YAB PM berkaitan PKP untuk fasa pertama, kedua, ketiga dan keempat. Dapatan kajian juga mendapati ucapan PM mengandungi ilokusi bahasa arahan yang menunjukkan kekuasaan yang ada pada dirinya untuk menuntut dan mengubah pendengar sejajar dengan niat komunikatifnya. Setiap ucapan yang dikenal pasti menunjukkan satu bentuk arahan yang menuntut pendengar untuk melakukan tindakan seperti niat komunikatifnya.

Berdasarkan sorotan literatur, didapati kajian ilokusi ini masih terhad khususnya penggunaan data korpus bahan sastera mahupun bahan komponen sastera (Komsas). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian awal yang menggunakan bahan sastera bagi memperlihatkan lakuan bahasa. Kajian awal diteliti menerusi kajian Ahmad Mahmood Musanif (1998) yang merupakan antara pengkaji bahasa yang terawal mengkaji lakuan pertuturan di Malaysia. Beliau mengkaji urutan ayat tanya menggunakan analisis wacana berdasarkan teori lakuan pertuturan. Ahmad Mahmood memberikan tumpuan terhadap perkembangan kajian ayat-ayat tanya yang dianalisis dari sudut nahu dan wacana dengan menggunakan novel ciptaan A. Samad Said, iaitu novel *Salina*. Pendekatan yang digunakan ialah analisis wacana dengan menggunakan teori lakuan pertuturan yang diperkenalkan oleh Austin (1962) dan Searle (1969) dan diterapkan ke dalam analisis wacana Schiffrin (1994). Analisis wacana dalam kajian Ahmad Mahmood lebih tertumpu pada konsep kajian bahasa berdasarkan penggunaan atau pertuturan sebenar. Dapatan kajian ini memperlihatkan bahawa ayat tanya tidak hanya menunjukkan fungsi bertanya, tetapi berfungsi sebagai pengungkap permintaan, pernyataan, pengesahan, ajakan, nasihat, amaran, makluman dan sebagainya. Kajian ini menginterpretasikan bahawa wujudnya kepelbagaian tindakan yang dizahirkan menerusi ayat tanya berdasarkan novel *Salina*.

Saidatul Nornis (2012) pula mengkaji genre puisi tradisional *Kalang Sama*, iaitu sejenis nyanyian rakyat tradisi masyarakat Bajau di Sabah. Dengan menggunakan pendekatan Lakuan Bahasa Austin (1962), Saidatul Nornis menemukan tujuh jenis lakuan bahasa. Antaranya ialah lakuan pernyataan, lakuan pertanyaan, lakuan perintah, lakuan larangan, lakuan pemesanan, lakuan perbandingan dan lakuan peyakinan. Lakuan bahasa dalam genre puisi nyanyian rakyat memanifestasikan kekuatan lakuan bahasa dalam menjelaskan fungsi ujaran lakuan dalam karya kreatif. Kajian ini juga mendapati bahawa lakuan-lakuan bahasa yang digunakan menggambarkan pemikiran, budaya dan perasaan yang melatari masyarakat Bajau di Sabah.

Secara rangkumannya, didapati kajian ilokusi bahasa semakin signifikan bagi memperlihatkan kepelbagaian daya ilokusi dalam komunikasi ketika penutur mengujarkan sesuatu mahupun menyampaikan mesej. Pengkaji-pengkaji terdahulu memanfaatkan pelbagai data korpus seperti ceramah motivasi, korpus mesyuarat pengurusan, korpus komunikasi guru pelatih, ceramah agama, pengajaran guru bahasa Melayu, korpus khutbah, korpus filem, korpus teks ucapan ahli politik dan bahan sastra dengan pelbagai kerangka dalam menzahirkan ilokusi penutur. Walaupun wujud kepelbagaian namun tujuannya adalah sama, iaitu untuk memperjelas pelbagai ilokusi bahasa yang digunakan oleh “speaker” atau penutur bagi mencapai objektif komunikasi, menyampaikan mesej dan menyampaikan hasrat agar sampai kepada “hearer” atau pendengar. Kajian ini pula menggunakan kerangka ilokusi dan pertuturan Bach dan Hanish (1979) dengan menggunakan korpus cerpen yang bertajuk “Munsi” yang merupakan salah sebuah cerpen dalam *Antologi Jaket Kulit dari Istanbul* (2014) yang belum dikaji. Kajian-kajian lepas, didapati tidak memberikan fokus kepada genre cerpen dalam mengkaji ilokusi kerana kebanyakan kajian menggunakan data teks ucapan. Kajian Saidatul Nornis (2012) pula menggunakan puisi Kalang Sama, bukan cerpen manakala kajian Ahmad Mahmood Musanif (1998) menggunakan novel. Oleh itu, kajian ini akan mengisi kelompangan tersebut dan merungkai penggunaan ilokusi bahasa yang digunakan oleh pengarang dalam genre cerpen untuk menyampaikan mesej kepada pembaca. Nurul Afifah Adila Mohd Salleh et al (2021), menegaskan bahawa kelompangan dan kekosongan bentuk data yang belum difokuskan dan dipilih oleh pengkaji lepas boleh dipertimbangkan oleh pengkaji akan datang untuk melaksanakannya.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif sepenuhnya dengan memberikan fokus kepada analisis kandungan teks. Teks yang digunakan sebagai data korpus dalam kajian ini ialah cerpen “Munsi” karya Husna Nazri (2014) yang diterbitkan dalam *Antologi Jaket Kulit dari Istanbul* (2014). Cerpen ini dipilih kerana menyampaikan idea utama atau tema yang bersesuaian dengan pengajaran dan unsur nasihat yang disampaikan menerusi watak-watak dalam cerpen ini. Penelitian ini akan mengenal pasti penggunaan lakuan bahasa oleh pengarang menerusi peranan para watak untuk menyampaikan mesej dan gagasannya. Penelitian ini menggunakan metode deskriptif kualitatif. Bogdan dan Taylor (dalam Moleong, 2015:4) mendefinisikan metode kualitatif sebagai prosedur penelitian yang menghasilkan data deskriptif berupa kata-kata bertulis atau lisan daripada penutur dan perilaku yang dapat diamati secara konkrit. Cerpen “Munsi” mengekspresikan sikap watak yang positif dan menunjukkan kesetiaan yang tinggi kepada bangsa, agama, bahasa dan budaya. Watak Bonda kepada Mel melambangkan wanita yang teguh dengan jati diri di samping kenal akar umbi bangsa, budaya, agama dan bahasa sehingga mentarbiyah anaknya supaya menjadi insan yang berjati diri dan tidak lupa daratan. Pemilihan data dalam cerpen ini mengambil kira penggunaan lakuan bahasa sama ada secara eksplisit mahupun implisit sebagaimana paparannya dalam jadual 1 berikut;

Jadual 1
Data kajian

Cerpen	Kod data	Kod data	Kod data
Munsi	D1-CM-H55	D10-CM-H58	D18-CM-H60
	D2-CM-H55	D11-CM-H58	D19-CM-H60
	D3-CM-H55	D12-CM-H59	D20-CM-H61
	D4-CM-H56	D13-CM-H59	D21-CM-H61
	D5-CM-H56	D14-CM-H59	D22-CM-H61
	D6-CM-H56	D15-CM-H59	D23-CM-H62
	D7-CM-H57	D16-CM-H59	D24-CM-H63
	D8-CM-H57	D17-CM-H60	
	D9-CM-H57		

Data telah disusun berdasarkan isi kandungan cerpen yang mengandungi lakuan bahasa (eksplisit mahupun implisit) dan dilabelkan dengan kod bagi memudahkan proses pengenalanpastian data dalam

menganalisis. Misalnya, kod D1-CM-H55; D1 merujuk kepada data pertama (1), CM merujuk kepada cerpen Munsyi dan H55 merujuk kepada halaman 55 dan begitulah seterusnya. Kajian ini menggunakan 24 data yang terdiri daripada dialog dan pernyataan watak-watak yang beraksi dalam cerpen ini. Cerpen Munsyi ditokohi dua watak penting, iaitu watak “Saya” atau “Mel” dan watak “Bonda” yang mengembangkan plot cerita yang bertitik tolak daripada keinginan Mel untuk meninggalkan kampung halaman dan pergi merantau untuk menuntut ilmu namun dihalang oleh Bondanya kerana Mel belum cukup matang untuk mengharungi arus kehidupan di kota.

Seterusnya, data mengalami proses pengkategorian dengan menggunakan Ilokusi Bahasa Bach dan Harnish (1979) berdasarkan kategori dan subkategori yang sudah dikenal pasti. Pengkategorian setiap ilokusi diteliti berdasarkan kosa kata, frasa dan ayat yang khususnya mengandungi kata kerja kerana golongan kata ini menzahirkan ilokusi. Saerle (1969) menegaskan bahawa kata kerja yang digunakan dalam pemerian memudahkan kita membayangkan sebagai benda yang ada rujukannya yang saling eksklusif. Walau bagaimanapun, sesetengah data tidak semestinya menggunakan kata kerja sebagai penanda ilokusi kerana pemilihan istilah, ayat yang tepat, mudah difahami dan jelas turut menandakan ilokusi (Aminudin Saimon, et al, 2021) dan aspek lain dalam makna konteks ujaran (Indirawati Zahid, 2022). Konteks dikaitkan dengan ciri-ciri alam di luar bahasa atau dunia luar yang memberikan makna pada teks atau wacana (Abd Ganing Laengkang et al (2019). Lakuan bahasa juga digunakan untuk menyampaikan pelbagai maksud dan emosi yang diterjemahkan melalui penggunaan bahasa (Norhasliza Ramli et al, 2019).

Kerangka Ilokusi Bach & Hanish (1979) yang digunakan sebagai kerangka analisis mengandungi empat kategori ilokusi bahasa, iaitu arahan, perjanjian, pengumuman dan pengakuan yang digunakan sebagai landasan analisis. Ilokusi Bahasa Bach & Hanish dilabelkan sebagai LB. Keempat-empat kategori ini dilabelkan dengan kod LB1 yang merujuk kepada lakuan bahasa Arahan, LB2 yang merujuk kepada lakuan bahasa Perjanjian, LB3 yang merujuk kepada lakuan bahasa Pengumuman dan LB4 yang merujuk kepada lakuan bahasa Pengakuan. Sementara subkategori bagi setiap kategori LB1, LB2, LB3 dan LB4 turut dilabelkan sebagaimana dalam jadual 2. Misalnya, LB1SK1 merujuk kepada Ilokusi bahasa 1 (Arahan), SK merujuk kepada subkategori dan 1 merujuk kepada subkategori pertama (permintaan) bagi kategori LB1. Keempat-empat kategori dan subkategori tersebut dianalisis secara kualitatif dan disokong dengan analisis kuantitatif (peratusan) untuk mendapatkan taburan kekerapan dan peratusan penggunaan LB oleh watak-watak dalam cerpen *Munsyi*. Seterusnya, perbincangan analisis dilakukan dengan mengambil kira pelbagai faktor yang berkaitan, iaitu tidak berkisarkan maklumat dalam data cerpen semata-mata. Teori ini memberikan penekanan pada peranan tujuan, keinginan atau maksud yang disampaikan penutur, iaitu pengarang menerusi dialog dan pernyataan fikiran watak-watak dalam konteks kajian ini. Justeru, pelbagai lakuan bahasa digunakan dalam komunikasi antara watak bagi memenuhi matlamat komunikasi sebagaimana penegasan Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015) bahawa pelbagai strategi digunakan penutur bagi memenuhi matlamat komunikasi.

Kerangka Teoretis

Kerangka Ilokusi Bahasa Bach dan Harnish (1979) mengagaskan kategori dan subkategori bagi memperlihatkan ilokusi bahasa yang digunakan oleh penutur mahupun penulis atau penyampai dalam komunikasi. Bach & Harnish (1979) telah mengemukakan empat kategori ilokusi bahasa, iaitu Pengumuman (*Constatives*), Arahan (*Directives*), Perjanjian (*Commissives*) dan Pengakuan (*Acknowledgements*). Kajian ini hanya menggunakan keempat-empat kategori Ilokusi Bahasa Bach & Hanish. Kategori Arahan mengandungi tujuh subkategori, kategori Perjanjian mengandungi dua subkategori, kategori Pengumuman mengandungi 14 subkategori manakala kategori Pengakuan mengandungi tujuh subkategori sebagaimana yang diperincikan dalam jadual 2 berikut:

Jadual 2*Kerangka Ilokusi Bahasa Bach & Hanish (1979)*

<i>Kategori/subkategori</i>	<i>Kategori/subkategori</i>	<i>Kategori/subkategori</i>	<i>Kategori/subkategori</i>
Arahan (LB1)	Perjanjian (LB2)	Pengumuman (LB3)	Pengakuan (LB4)
Permintaan LB1SK1	Berjanji LB2SK1	Pernyataan LB3SK1	Meminta maaf LB4SK1
Pertanyaan LB1SK2	Menawarkan LB2SK2	Ramalan LB3SK2	Bersimpati LB4SK2
Keperluan LB1SK3		Deskriptif LB3SK3	Ucapan Tahniah
Larangan LB1SK4		Penyebab LB3SK4	LB4SK3
Permisif LB1SK5		Makluman LB3SK5	Menyapa LB4SK4
Menyeru LB1SK6		Pengesahan LB3SK6	Berterima Kasih
Menasihati LB1SK7		Pengakuan LB3SK7	LB4SK5
		Pembetulan LB3SK8	Menerima LB4SK6
		Penerimaan LB3SK9	Menolak LB4SK7
		Bantahan LB3SK10	
		Perdebatan LB3SK11	
		Maklum balas LB3SK12	
		Cadangan LB3SK13	
		Andaian LB3SK14	

Berdasarkan jadual 2, kerangka yang dikemukakan oleh Bach & Harnish (1979) lebih terperinci berdasarkan penambahan beberapa subkategori dalam setiap ilokusi bahasa. Perincian setiap kategori memperlihatkan kesesuaian teori ini dalam menganalisis pelbagai ilokusi bahasa berdasarkan pelbagai data korpus. Perincian setiap kategori menerusi subkategori tersebut dapat disesuaikan dengan bahasa dan budaya sesebuah masyarakat sebagaimana paparan kisah dalam genre sastera. Justeru, kerangka ini dipilih untuk menganalisis teks cerpen yang mengisahkan kehidupan dan budaya masyarakat dalam mendepani cabaran. Ringkasnya, kategori ilokusi bahasa Bach & Harnish (1979) sesuai diaplikasikan dalam kajian ini kerana setiap satu subkategori dalam LB dinyatakan dengan terperinci yang membolehkan pengkategorian dibuat dengan lebih tepat terhadap 24 data korpus dalam cerpen Munsyi dan tidak berasaskan andaian ataupun *approximates* (Harshita Aini Haroon, et al (2020).

4. Dapatan

Berdasarkan pengkategorian terhadap 24 data dalam cerpen *Munsyi* berdasarkan Ilokusi Bahasa Bach & Hanish (1979), huraian dapatan terdapat dalam jadual 3 berikut:

Jadual 3*Pengkategorian kategori dan subkategori Bach & Hanish (1979)*

Kategori	Subkategori LB	Pengkategorian data	Jumlah/peritus
Arahan LB1	LB1SK1	D1-CM-H55, D12-CM-H59, D17-CM-H60, D20-CM-H61	9/24 (37.5%)
	LB1SK2	D22-CM-H61	
	LB1SK4	D2-CM-H55	
	LB1SK7	D4-CM-H56, D10-CM-H58, D19-CM-H60	
Perjanjian LB2	LB2SK1	D8-CM-H57, D9-CM-H57	2/24 (8.3%)
Pengumuman LB3	LB3SK3	D6-CM-H56, D7-CM-H57, D23-CM-H62	6/24 (25 %)
	LB3SK9	D5-CM-H56	
	LB3SK10	D13-CM-H59 & D14-CM-H59	
Pengakuan LB4	LB4SK2	D24-CM-H63	7/24 (29.2%)
	LB4SK3	D15-CM-H59	
	LB4SK5	D16-CM-H59	
	LB4SK6	D3-CM-H55, D11-CM-H58, D18-CM-H60, D21-CM-H61	
<i>Jumlah</i>			24/24 (100%)

Berdasarkan jadual 3, didapati LB1, iaitu kategori Arahan menerusi subkategori LB1SK1 (D1-CM-H55, D12-CM-H59, D17-CM-H60, D20-CM-H61), LB1SK2 (D22-CM-H61), LB1SK4 (D2-CM-H55) dan LB1SK7 (D4-CM-H56, D10-CM-H58, D19-CM-H60) menunjukkan jumlah penggunaan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 9 daripada 24 jumlah data ataupun sebanyak 37.5 peratus. Kedua tertinggi ialah kategori LB4 Pengakuan menerusi LB4SK2 (D24-CM-H63), LB4SK3 (D15-CM-H59), LB4SK5 (D16-CM-H59) dan LB4SK6 (D3-CM-H55, D11-CM-H58, D18-CM-H60, D21-CM-H61) sebanyak 7/24 atau 29.2 peratus. Sementara penggunaan kategori LB3 Pengumuman pula menerusi LB3SK3 (D6-CM-H56, D7-CM-H57 & D23-CM-H62), LB3SK9 (D5-CM-H56), LB3SK10 (D13-CM-H59 & D14-CM-H59) sebanyak 6/24 atau 25.0 peratus. Penggunaan yang terendah ialah kategori LB2 Perjanjian menerusi subkategori LB2SK1 (D8-CM-H57 & D9-CM-H57) sebanyak 2/24 atau 8.3 peratus. Berdasarkan dapatan, jelas menunjukkan bahawa LB1, iaitu kategori Arahan amat signifikan dalam data korpus cerpen “Munsi”. Penggunaan ilokusi bahasa Arahan LB1 Arahan menyirati makna bahawa watak seorang ibu sebagai penutur dalam cerpen ini harus menjalankan tanggungjawab dengan memberikan pelbagai arahan kepada anaknya dengan objektif tertentu sebagai pendengar demi masa depan dan kehidupan anak itu sendiri agar tidak terjebak dengan unsur yang tidak sihat. Lakuan bahasa arahan berasosiasi dengan perlakuan dan tindakan watak dalam menyampaikan hasrat dalam komunikasi. Impaknya, anak yang menerima arahan daripada ibu akan bersikap matang apabila mendepani masalah. Arahan juga berfungsi sebagai suatu permintaan, larangan, pertanyaan dan nasihat dalam cerpen “Munsi” yang mendatangkan kebaikan dan memberikan peringatan. Kategori Pengakuan LB4 juga agak signifikan penggunaannya dalam data korpus cerpen bertitik-tolak atas faktor fungsinya sebagai tindakan mengucapkan tahniah dan berterima kasih sebagai tanda penghargaan, lakuan bersimpati sebagai tanda mengambil berat dan lakuan menerima pendapat atau idea sebagai tanda hormat dan taat. LB3 Pengumuman pula diperlihatkan menerusi ilokusi deskriptif, penerimaan dan bantahan. Sementara LB2 Perjanjian digunakan hanya dalam dua data sahaja menerusi ilokusi bahasa berjanji.

4.1 Perbincangan

Analisis dalam dapatan ini menunjukkan bahawa karya kreatif seperti cerpen juga menitikberatkan penggunaan ilokusi dalam usaha pengarang menyampaikan idea, mesej dan perasaan agar objektif komunikasi tercapai. Perkara ini ditegaskan oleh Abdul Aziz Yusof (2003) menegaskan bahawa komunikasi merupakan proses yang melibatkan penyampaian idea dan perasaan kepada pihak lain. Perkara yang sama berlaku dalam kajian Saidatul Nornis (2012), iaitu karya sastera puisi Kalang Sama juga memanifestasikan kekuatan lakuan bahasa dalam menjelaskan fungsi ujaran lakuan dalam karya kreatif. Hal ini jelas menunjukkan bahawa lakuan-lakuan bahasa yang digunakan dalam karya kreatif mampu menggambarkan pemikiran, budaya dan perasaan yang melatari masyarakatnya. Perbincangan huraian analisis dimulakan dengan kategori dan subkategori LB1 Arahan, Kategori dan Subkategori LB2 Perjanjian, Kategori dan Subkategori LB3 Pengumuman dan Kategori dan Subkategori LB4 Pengakuan.

Kategori dan Subkategori LB1 Arahan

Kategori dan Subkategori LB1 Arahan diaplikasikan dalam 9 data korpus cerpen *Munsi* berdasarkan dua watak iaitu watak Mel dan Bondanya. 9 data tersebut mewakili LB1SK1 (4 data), LB1SK2 (1 data), LB1SK4 (1 data) dan LB1SK7 (3 data) terdapat dalam jadual 4 berikut;

Jadual 4

Kategori dan Subkategori LB1 Arahan Permintaan, Pertanyaan, Larangan & Menasihati

Kategori/Subkategori	Kod data	Data Cerpen
		Permintaan
LB1SK1	D1-CM-H55	Setiap kali saya meluahkan hasrat untuk bermastautin di ibu kota, bonda memberikan pelbagai alasan agar saya terus menetap di kampung halaman.

	D12-CM-H59	Harapan bonda moga-moga saya menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa saya sendiri yang sedikit demi sedikit mula terhakis di tanah sendiri.
	D17-CM-H60	Kepada bonda saya sampaikan hasrat untuk membina kehidupan yang lebih sempurna di ibu kota
	D20-CM-H61	“Mel, buku-buku ini khazanah nenek moyang kita. Di kota nanti carilah seorang sahabat lama bonda bernama Munsyi. Hadiahkan buku-buku ini kepadanya kerana masih ada nilainya di kota sana”.
Pertanyaan		
LB1SK2	D22-CM-H61	Tuan inikah yang bernama Munsyi, sahabat baik bonda saya?
Larangan		
LB1SK4	D2-CM-H55	Kata bonda, tak perlu buat masa ini kerana ilmu agama Mel masih terlalu cetek dan nipis.
Menasihati		
LB1SK7	D4-CM-H56	Mel, ingatlah agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang.
	D10-CM-H58	Lantas berkali-kali pesan bonda kepada saya supaya memelihara agama dan bahasa ibunda jika ingin terus dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bermaruah.
	D19-CM-H60	Tetapi ingatlah supaya menjaga dua perkara; Perintah agama jangan sesekali kamu abaikan. Agama itu baju peribadi dan Islam panduan hidup. Peliharalah bahasa ibunda kita kerana itulah sahaja warisan kita yang tinggal”.

Berdasarkan jadual 4, subkategori LB1SK1, iaitu subkategori permintaan diteliti menerusi data D1-CM-H55, D12-CM-H59, D17-CM-H60 dan D20-CM-H61 :

D1-CM-H55 *Setiap kali saya meluahkan hasrat ...*
D12-CM-H59 **Harapan** bonda moga-moga
D17-CM-H60 *Kepada bonda saya sampaikan hasrat ...*
D20-CM-H61 *Di kota nanti carilah seorang sahabat*
Hadiahkan buku-buku ini kepadanya ...

Dalam D1-CM-H55 ilokusi bahasa permintaan dizahirkan menerusi frasa kerja *meluahkan hasrat* yang menyatakan permintaan daripada seorang anak kepada bondanya yang memohon keizinan untuk bermastautin di ibu kota. D12-CM-H59 ilokusi permintaan dizahirkan menerusi kata nama *harapan* yang merupakan suatu permintaan secara halus daripada seorang ibu agar anaknya menjadi seorang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa. D17-CM-H60 pula memperlihatkan penggunaan frasa kerja pasif *saya sampaikan hasrat* menzahirkan lakuan untuk menyampaikan permintaan daripada seorang anak untuk membina kehidupan yang lebih sempurna di kota. Dalam data D20-CM-H61 frasa “carilah seorang sahabat” juga ilokusi permintaan menerusi kata kerja “cari” daripada seorang ibu kepada anaknya agar mencari sahabat lamanya. “Hadiahkan” (kata kerja pasif) *buku-buku ini kepadanya*, merupakan ilokusi meminta daripada Bonda agar Mel memberikan buku-buku tersebut kepada sahabatnya. Bach & Harnish (1979) mengatakan bahawa LBA permintaan digunakan oleh penutur, dimaksudkan untuk meminta sesuatu dengan hormat kepada pendengar. Ilokusi bahasa permintaan dalam peristiwa ini berfungsi untuk menyampaikan hasrat yang dikehendaki oleh penutur atau *speaker* antara seorang anak dan ibu dengan pelbagai strategi seperti memohon keizinan dan meminta bantuan agar objektif komunikasi tercapai.

Keempat-empat data yang dipapar menunjukkan penggunaan LB1SKI permintaan secara implisit dan eksplisit. Permintaan secara implisit diwakili kata nama “harapan” yang menginterpretasikan permintaan menerusi tafsiran makna konteks perbualan antara Bonda dan Mel. *Kamus Dewan Edisi keempat* (2019) mendefinisikan *harapan* sebagai perihal mengharap yang berasosiasi dengan sesuatu yang diminta atau diharap untuk diperoleh dalam konteks data ini. Sementara frasa kerja “carilah seorang sahabat” dan kata kerja pasif “hadiahkan” mewakili permintaan yang eksplisit bagi memudahkan pendengar untuk memahami hajat komunikatif penutur, melancarkan

komunikasi dan mempengaruhi keberkesanan permintaan atau hasrat seseorang untuk dipenuhi. Bach dan Harnish (1979) menjelaskan bentuk lakuan bahasa arahan subkategori permintaan merupakan hasrat yang ditunjukkan oleh penutur yang menginginkan pendengar melakukan sesuatu. Hal ini menunjukkan penutur menjadikan niat pengucapan sebagai alasan untuk pendengar melaksanakan seperti yang diujarkan oleh penutur. Keempat-empat data (D1, D12, D17 dan D20) memperlihatkan kejelasan niat penutur agar pendengar melakukan sesuatu berdasarkan penggunaan frasa dan leksikal yang sesuai. Tenas Effendi (2013) menegaskan bahawa dalam menyampaikan maklumat, penggunaan leksikal yang tepat, betul dan jelas akan mempengaruhi keberkesanan sesuatu amanat dalam mengujarkan permintaan.

Sementara subkategori LB1SK2, iaitu subkategori pertanyaan diteliti menerusi data D22-CM-H61 “Tuan inikah yang bernama Munsyi, sahabat baik bonda saya?” merupakan ilokusi untuk bertanya oleh watak Mel kepada sahabat ibunya di kota. Ilokusi pertanyaan ini ditandai tanda baca soal (?) yang jelas merujuk kepada ayat tanya tanpa kata tanya sebagaimana dalam *Tatabahasa Dewan* (2015), yang menghuraikan bahawa ayat tanya tanpa kata tanya merujuk kepada ayat yang lazimnya diucapkan dengan nada suara meninggi sebelum kesenyapan pada akhir ayat yang dilambangkan oleh tanda soal (?). Ilokusi bahasa pertanyaan amat jelas tujuannya untuk mendapatkan maklumat daripada pihak yang ditanya dan patuh terhadap peraturan berbahasa dari segi linguistik (menggunakan ayat tanya) dan pragmatiknya, iaitu bertanya sebagai tanda kesopanan. Pertanyaan berfungsi sebagai satu bentuk lakuan untuk menanyakan sesuatu hal yang menggerakkan pendengar melaksanakan hajat yang dihasratkan oleh penutur sebagaimana dalam D22. Penggunaan kata ganti nama *tuan* yang digunakan oleh watak atau penutur untuk bertanya memanifestasikan tanda hormat kepada pihak yang ditanya (lawan tutur) sebagaimana penegasan dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019) bahawa kata ganti nama *tuan* turut merujuk kepada panggilan untuk orang laki-laki berpangkat atau yang patut dihormati. Sementara penggunaan kata ganti nama peribadi, iaitu “Munsyi”, yang diujarkan oleh penutur mencerminkan sifat informatif pertanyaan untuk merujuk seseorang yang dikehendaki bagi memudahkan usaha mendapatkan maklumat agar hasrat komunikasi tercapai.

Bach dan Harnish (1979) telah mengemukakan kata kerja berkaitan perlakuan larangan, iaitu melarang, mengharamkan, menegah dan menegadkan. Subkategori LB1SK4 iaitu subkategori larangan diperlihatkan menerusi data D2-CM-H55 *Kata bonda, tak perlu berhijrah buat masa ini kerana ilmu agama Mel masih terlalu cetek dan nipis*. Penggunaan “tak” yang merupakan singkatan bagi kata nafi, iaitu *tidak* amat jelas merujuk kepada larangan daripada penutur, iaitu watak Bonda. Lazimnya kata nafi *tidak* hadir di hadapan frasa kerja (*Tatabahasa Dewan*, 2015) sebagaimana dalam D2-CM-H55 (... tak perlu berhijrah ...). *Tak perlu* bermakna tidak ada kepentingan untuk watak Mel berhijrah kerana belum mencukupi ilmu agamanya. Penutur, iaitu Bonda memberikan alasan tentang kedangkalan dan keketatan ilmu agama seorang anak menjadi penyebab penutur melarang lawan tutur (Mel) berhijrah ke kota. Walaupun ilokusi bahasa larangan mengimplikasikan ilokusi yang negatif, namun impaknya positif apabila disampaikan secara informatif (dengan alasan) agar diterima lawan tutur.

Subkategori terakhir di bawah LB1 Arahan ialah subkategori LB1SK7, iaitu menasihati yang terdapat dalam data-data berikut:

- D4-CM-H55 *Mel, **ingatlah** bahawa agama dan bahasa itu cermin maruah kita*
 D10-CM-H58 *Lantas berkali-kali **pesan** bonda kepada saya*
 D19-CM-H60 *Tetapi **ingatlah pesan** supaya menjaga dua perkara ...*
*Perintah agama **jangan** sesekali kamu abaikan.*

Ketiga-tiga data tersebut mencerminkan ilokusi bahasa menasihati daripada seorang ibu kepada anaknya yang mewakili penutur dan pendengar. Lakuan menasihati ditandai penggunaan kata kerja *ingat* dan disertai partikel “lah” dalam data D4-CM-H55 *Mel, **ingatlah** agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang* dan dalam D19-CM-H60 *Tetapi **ingatlah** supaya menjaga dua perkara*, yang menzahirkan lakuan bahasa menasihati. Leksikal atau kata kerja “ingat” dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019) turut merujuk kepada memberi ingatan, memberi nasihat supaya sedar akan

tanggungjawab (kewajipan, tugas). D19-CM-H60 dan D4-CM-H55 juga menggunakan partikel “lah” dalam leksikal “ingatlah” sebagai tanda kelembutan dalam menasihati. Nik Safiah Karim et al, (2015), menegaskan bahawa walaupun leksikal yang digunakan mempunyai persamaan dengan lakuan larangan, namun lakuan nasihat lebih lembut sifatnya dan sering ditandai oleh partikel “lah” yang berfungsi sebagai melembutkan nasihat agar diterima dengan mudah sebagaimana penggunaannya dalam D4 dan D19. Sementara Noriha Basir et al, (2020) turut menegaskan bahawa penggunaan bahasa yang lembut dan santun ini sedikit sebanyak dapat membantu meredakan emosi pendengar yang diberikan nasihat.

Sehubungan itu, D19-CM-H60 juga menggunakan kata larangan “jangan” sebagai tanda menasihati, “Perintah agama **jangan** sesekali kamu abaikan”. Aminnudin Saimon et al (2021) menegaskan bahawa penggunaan kata kerja performatif sebagai lakuan menasihati sering kali ditandai oleh kata nafi ‘jangan’, ‘tolong’, ‘andai’, ‘tak boleh’ dan ‘tak usah’. Kata kerja performatif ini diikuti oleh ujaran nasihat yang hendak disampaikan kepada pendengar sebagaimana dalam D19-CM-H60. Sementara dalam D10-CM-H58 *Lantas berkali-kali pesan bonda kepada saya* menzhahirkan ilokusi menasihati seorang ibu yang ditegaskan menerusi frasa *berkali-kali pesan bonda kepada saya*. Kosa kata “pesan” dalam ayat tersebut berpolisemi dengan kata amanat, permintaan dan nasihat (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2019). Pesan atau amanat yang diberi penegasan sebagai nasihat watak bonda adalah supaya memelihara agama dan bahasa ibunda jika ingin terus dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bermaruah. Ilokusi menasihati memberikan manfaat dan diterima lawan tutur apabila disampaikan menggunakan bahasa yang jelas dan relevan.

Berdasarkan ketiga-tiga data yang menunjukkan lakuan menasihati oleh watak bonda berkisar tentang pematuhan terhadap agama sebagai payung kehidupan dan bahasa ibunda sebagai maruah bangsa. Bach & Harnish (1979) menegaskan bahawa nasihat ialah hal yang pendengar lakukan bukanlah kerana hasrat penutur semata-mata tetapi atas dasar kepercayaan pendengar terhadap nasihat penutur, merupakan idea yang baik. Ilokusi bahasa menasihati amat signifikan kerana lakuan ini sebenarnya signifikan untuk memberikan nasihat dan mengharapkan tindakan daripada seorang anak untuk mematuhi nasihat tersebut selain menasihati juga merupakan tanggungjawab seorang ibu. Lakuan ini berfungsi sebagai memberi peringatan, menenangkan, bertindak rasional dan sebagainya (Bach & Harnish, 1979).

Kategori dan Subkategori LB2 Perjanjian

Kategori dan Subkategori LB2 Perjanjian diaplikasikan dalam 2 data korpus cerpen *Munshi* berdasarkan watak Mel. 2 data tersebut mewakili LB2SK1 (berjanji) sebagaimana yang terdapat dalam jadual 5 berikut:

Jadual 5

Kategori dan Subkategori LB2 Perjanjian

Kategori/Subkategori	Kod data	Data Cerpen
		Berjanji
LB2SK1	D8-CM-H57	Saya bertekad memenuhi dahulu dada saya dengan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman di tanah desa halaman sebelum saya bersedia mencampakkan diri di tengah gelora kota
	D9-CM-H57	Saya ingin memahirkan lidah dengan bahasa ibunda kearana inilah saja khazanah warisan tinggalan bangsa yang mendiami bumi ini sejak sekian lama.

Berdasarkan jadual 5, subkategori LB2SK1, iaitu subkategori berjanji diteliti menerusi data D8-CM-H57 dan D9-CM-H57:

D8-CM-H57 Saya **bertekad** memenuhi ...

D9-CM-H57 Saya **ingin** memahirkan lidah ...

Berdasarkan kedua-dua data tersebut, jelas menunjukkan ilokusi bahasa berjanji yang dizahirkan menerusi frasa kerja “saya bertekad” dan “saya ingin” yang mencerminkan hasrat dan kehendak untuk berjanji walaupun tidak menggunakan leksikal “janji”. *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019) mendefinisikan leksikal atau kata kerja “bertekad” sebagai berniat atau berazam manakala leksikal atau kata tugas “ingin” bermaksud berasa mahu atau berhasrat untuk melakukan sesuatu. Justeru, kedua-dua leksikal ini yang berasosiasi dengan leksikal “janji” yang bermaksud pernyataan kesediaan untuk berbuat atau memberi sesuatu (*Kamus Dewan Edisi Keempat* (2019)). Dalam D8-CM-H57 Mel berjanji (bertekad) kepada bondanya untuk memenuhi dadanya dengan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman di kampung halamannya sebelum mengharungi pengaruh dan dugaan di kota. Ilokusi ini merupakan tindakan seorang anak untuk mencapai hasrat dalam berkomunikasi agar dipersetujui pendengar, iaitu bondanya. Mel juga berjanji (ingin) untuk menguasai bahasa ibundanya agar dia mahir dan cekap kerana bahasa merupakan khazanah warisan bangsa sebagaimana dalam D9-CM-H57. Ilokusi bahasa berjanji menzahirkan hasrat, azam, niat dan tindakan mahu (kemahuan/keinginan) seorang penutur agar mendapat kepercayaan dan keyakinan daripada lawan tutur supaya hasratnya dipenuhi. Lakuan perjanjian mengikut Bach dan Harnish (1979) ialah kemungkinan hasrat atau kepercayaan penutur bahawa pertuturannya itu menjadi tanggungjawab bagi dirinya untuk melakukan sesuatu sebagaimana tekad atau janji watak Mel.

Kategori dan Subkategori LB3 Pengumuman

LB pengumuman merujuk kepada niat, kepercayaan atau pengetahuan pengucap untuk berkongsi mesej kepada pendengar agar pengetahuan atau kefahaman tersebut dapat diketahui bersama (Wan Robiah Meor Osman et al, 2018). Kategori dan Subkategori LB3 Pengumuman diaplikasikan dalam 6 data korpus cerpen Munsyi berdasarkan dua watak iaitu watak Mel dan Bondanya. 6 data tersebut mewakili LB3SK3 (3 data), LB3SK9 (1 data), LB3SK10 (2 data) sebagaimana yang terdapat dalam jadual 6 berikut;

Jadual 6

Kategori dan Subkategori LB3 Pengumuman

Kategori/Subkategori	Kod data	Data Cerpen
		Deskriptif
LB3SK3	D6-CM-H56	Kota besar ini ialah kota yang sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya dan dibangunkan dengan kempen dan slogan itu sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis para warganya yang berbilang bangsa dan bercampur –aduk pula budaya dan bahasa pertuturannya.
	D7-CM-H57	Bangsa pertama ditempatkan di bandar-bandar besar adalah sebagai peniaga dan pengusaha lombong bijih timah. Bangsa kedua ialah bangsa yang terbiar dalam arus pembangunan dengan mendiami kampung-kampung tradisional di luar bandar sebagai nelayan dan pesawah. Bangsa ketiga merupakan bangsa yang melarat kemiskinan di ladang-ladang dan estet serba mundur. Masing-masing terpisah oleh tembok dan benteng perkauman yang tebal.
	D23-CM-H62	Khabarnya kawasan itu merupakan kawasan yang akan dibangunkan dengan pelbagai bangunan mewah serta hotel bertaraf lima bintang.
Penerimaan		
LB3SK9	D5-CM-H56	Saya batal kan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota.
Bantahan		
LB3SK10	D13-CM-H59	“Tapi dunia ini sudah berubah bonda. Kita bukan lagi hidup pada zaman perjuangan menentang musuh penjajah”.

D14-CM-H59 “Mel, sejarah **bukan** buta. Sejarah tidak pernah berdusta. Bangsa yang membaca dan mengkaji sejarah silam tidak akan melakukan kesilapan kali kedua”.

Berdasarkan jadual 6, LB3SK3 subkategori ilokusi bahasa deskriptif terdapat dalam 3 data, iaitu D6-CM-H56 D7-CM-H57 dan D23-CM-H62. Ilokusi deskriptif berfungsi untuk menyampaikan keterangan yang bertujuan memberikan gambaran nyata tentang sesuatu perkara mahupun peristiwa dengan jelas yang diteliti menerusi makna ujaran. Data-data berikut mewakili ilokusi deskriptif:

*D6-CM-H56 Kota besar ini **ialah** kota yang sudah hilang ...*

*D7-CM-H57 Bangsa pertama ditempatkan di bandar-bandar besar **adalah** sebagai ...*

*Bangsa kedua **ialah** bangsa yang terbiar*

*Bangsa ketiga **merupakan** bangsa yang melarat kemiskinan*

*D23-CM-H62 Khabarnya kawasan itu **ialah** kawasan yang akan dibangunkan*

Ilokusi deskriptif dalam data D6, D7 dan D23 ditandai penggunaan kata pemerih “ialah” dan “adalah” serta kata kerja “merupakan”. Leksikal *ialah* dan *adalah* tergolong dalam kata pemerih. Nik Safiah Karim et al, (2015) menjelaskan bahawa kata pemerih merujuk kepada unsur yang menjadi pemerih hal atau perangkat antara subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat dengan menggunakan kata pemerih *adalah* mahupun *ialah*. Kata pemerih berfungsi sebagai kata untuk memerih, menerangkan atau menghuraikan sesuatu perkara. Justeru, kata pemerih dikategorikan dalam lakuan deskriptif kerana memiliki sifat untuk menerang, menghurai dan memerihalkan sesuatu dengan memberikan deskripsi. Jesselyn Chin Mui Fah et al (2023), menegaskan bahawa dari segi lakuan bahasa, kata deskriptif *ialah*, *adalah* dan *merupakan* dianggap sebagai kata kerja yang menunjukkan niat penutur memberikan penerangan atau penjelasan tentang sesuatu perkara. Dalam D6-CM-H56, memperlihatkan penggunaan kata pemerih *ialah* untuk memerihalkan situasi buruk kehidupan di kota yang sudah hilang segala nilai-nilai tradisinya, sarat dengan api prasangka dan runcing prejudis. Ilokusi bahasa deskriptif ini amat informatif dalam menyampaikan mesej dan maklumat kepada pihak lawan tutur sebagaimana lakuan watak Bonda yang mendeskripsikan situasi di kota yang tidak sesuai untuk anak muda. Sementara dalam D7-CM-H57 juga ilokusi bahasa deskriptif yang menggunakan kata pemerih *adalah* untuk memerihalkan bangsa yang menduduki kawasan bandar, penggunaan kata pemerih *ialah* berfungsi untuk menerangkan bangsa kedua yang terbiar dan kata kerja *merupakan* bagi menjelaskan bangsa yang melarat. Penggunaan leksikal-leksikal tersebut bertepatan dengan tujuan untuk mendeskripsikan sejarah silam dan situasi struktur sosial masyarakat di Tanah Melayu ketika negara dijajah. Lakuan bahasa deskriptif ini memberikan maklumat yang informatif kepada pihak pendengar agar memperolehnya secara terperinci yang bersesuaian dengan penghasilan wacana kreatif dalam memerihalkan sesuatu mesej dan pengajaran yang hendak disampaikan oleh pengarang kepada khalayak menerusi watak ciptaannya. Tersiratnya, ilokusi ini juga berupaya memberikan pengajaran dan panduan kepada watak Mel dan generasi muda agar menjadikan peristiwa malap pada masa silam sebagai teladan agar tidak berulang sebagaimana dalam D6, D7 dan D23. Abdul Ganing Laengkang (2018), menegaskan bahawa deskriptif bersifat menghuraikan dan menerangkan sesuatu. Deskripsi tersebut membantu memberikan gambaran yang jelas tentang sesuatu perkara yang dinyatakan sebelum atau selepas sebagaimana dalam cerpen ini tentang situasi kehidupan masyarakat sebelum dan selepas merdeka.

Selain itu, LB3SK9 ilokusi penerimaan terdapat dalam data D5-CM-H56, iaitu “*Saya batalkan keinginan meruap-ruap dalam diri saya untuk mencari pengalaman baharu sebagai warga kota*” menerusi dialog watak Mel. Ilokusi bahasa penerimaan dizahirkan menerusi frasa “*Saya batalkan* (kata kerja pasif) keinginan meruap-ruap dalam diri saya” oleh watak Mel yang menandakan penerimaannya terhadap larangan watak Bonda agar dia tidak berhijrah ke kota selagi belum mencukupi ilmu dan bekalan (D2-CM-H55). Ilokusi ini diteliti berdasarkan makna ujaran dalam konteks ayat yang menzahirkan penerimaan oleh watak Mel yang diinterpretasi menerusi “saya batalkan”. Leksikal “batal” bermaksud tidak berlaku lagi atau tidak jadi (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2019) dan merujuk kepada tindakan pendengar (Mel) untuk membatalkan hasratnya dengan menerima larangan lawan tutur (Bonda) untuk tidak berhijrah ke kota. Impaknya, ilokusi bahasa larangan (LB1SK4) yang digunakan

oleh watak Bonda dalam menghalang anaknya Mel untuk berhijrah menunjukkan keberkesanannya dalam usaha mencapai hasrat komunikasi.

Sementara data D13-CM-H59 dan D14-CM-H59 merupakan ilokusi bantahan. D13-CM-H59 “Tapi dunia ini sudah berubah bonda. Kita **bukan** lagi hidup pada zaman perjuangan menentang musuh penjajah”. Lakuan bahasa membantah ini dizahirkan oleh watak Mel yang membantah kata-kata Bondanya dengan menggunakan kata nafi *bukan* untuk menyangkal hujah Bondanya yang memberitahu bahawa kita masih dijajah dan masih ada musuh walaupun negara sudah lama merdeka. Penggunaan kata nafi “bukan” menandakan bantahan dalam data ini. Mel mahu menegaskan pendapatnya dengan membantah/menyangkal kata-kata Bondanya pada peringkat awal perbualan dengan harapan dia berupaya mencapai hasrat dan matlamat komunikasi. Seterusnya, dalam D14-CM-H59 “*Mel, sejarah bukan buta. Sejarah ialah guru yang tidak perenah berdusta. Bangsa yang membaca dan mengkaji sejarah silam tidak akan melakukan kesilapan kali kedua*” yang disampaikan oleh watak Bonda juga merupakan lakuan bahasa bantahan sebagai lakuan untuk mematahkan hujah watak Mel. Kata nafi *bukan* menjadi unsur nafi frasa nama dan frasa sendi nama (Nik Safiah et al, 2025) sebagaimana dalam data D13 dan D14 namun berbeza fungsinya. Ilokusi bantahan digunakan oleh watak Mel dan Bonda dengan tujuan yang berbeza untuk mencapai matlamat masing-masing, iaitu Mel hendak mencapai hasratnya untuk berhijrah manakala Bonda mempunyai motif untuk menghalang hasrat watak Mel dengan alasan yang tertentu. Ilokusi bantahan memberikan impak kepada perbualan apabila pendengar dapat menerima bantahan daripada lawan tutur.

Kategori dan Subkategori LB4 Pengakuan

Kategori dan Subkategori LB4 Pengakuan diaplikasikan dalam 4 data korpus cerpen Munsyi berdasarkan dua watak iaitu watak Mel dan Bondanya. 4 data tersebut mewakili LB4SK2 (1 data; bersimpati), LB4SK3 (1 data; mengucapkan tahniah), LB4SK5 (1 data; berterima kasih) dan LB4SK6 (4 data; menerima) sebagaimana yang terdapat dalam jadual 7 berikut;

Jadual 7

Kategori dan Subkategori LB4 Pengakuan

Kategori/Subkategori	Kod data	Data Cerpen
		Bersimpati
LB4SK2	D24-CM-H63	Air mata saya menitis sedih dan pilu bukan sahaja mengenang khazanah berharga yang musnah, tetapi membayangkan satu-satunya tanah rizab milik bangsa di kota besar ini berpindah kepada tuan-tuan saudagar asing yang bakal mengaut keuntungan di sini.
		Mengucapkan tahniah
LB4SK3	D15-CM-H59	Tahniah bangsaku. Sejarah dan kisah bangsa saya pada zaman silam yang berjaya membina ketamadunan dunia cukup membanggakan saya.
		Berterima kasih
LB4SK5	D16-CM-H59	Kagumnya saya mengenangkan hebatnya bangsa saya membina sebuah empayar yang besar yang dikagumi dunia. Terima kasih bangsaku.
		Menerima
LB4SK6	D3-CM-H55,	Saya akui kebenaran kata-kata bonda tentang malapetaka yang sedang menghinggapinya sekian ramai anak-anak sebangsa saya.
	D11-CM-H58	Bonda sedar dan akui tempoh lima ratus tahun lamanya tanah watan ini dijajah oleh kuasa asing, bangsa kita merempat dan menjadi kelas ketiga di tanah air sendiri.
	D18-CM-H60	Mel, bonda merestui kamu untuk berhijrah ke ibu kota.
	D21-CM-H61	Saya akur dengan permintaan bonda yang mahu saya menjaga buku-buku itu dengan baik.

Berdasarkan jadual 7, LB3SK3 subkategori LB4SK2, iaitu ilokusi bahasa bersimpati terdapat dalam data D24-CM-H63 yang ditandai penggunaan kata frasa nama “Air mata” yang sinonim dengan menangis dan dikombinasikan dengan kata adjektif “sedih” dan “pilu” yang bermaksud hiba dan sayu (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2019). Berdasarkan makna konteks dalam cerpen ini penggunaan leksikal “air mata”, “sedih” dan “pilu” berasosiasi dengan kesedihan yang mengekspresikan perasaan simpati seseorang terhadap nasib yang menimpa bangsanya akibat kerakusan pihak tertentu. Ilokusi bahasa bersimpati bertujuan untuk menzhahirkan perasaan empati penutur dalam menyelami masalah yang membelenggu pihak lain sebagaimana dalam D24.

Sementara LB4SK3, ilokusi bahasa mengucapkan tahniah terdapat dalam data D15-CM-H59 *Tahniah bangsaku* yang dituturkan oleh watak Mel. Mel berasa bangga dengan kejayaan orang Melayu pada zaman silam yang telah membina ketamadunan dunia yang diwarisi generasi hari ini kepada masyarakat zaman dahulu. Ungkapan “cukup membanggakan saya” mengekspresikan kekaguman dan tersiratnya orang yang kagum dengan pencapaian masyarakat zaman silam yang didahului dengan mengujarkan ucapan tahniah atas kejayaan tersebut. Ilokusi bahasa mengucapkan tahniah berasosiasi dengan penghargaan atas kejayaan masyarakat zaman silam yang berjaya membangunkan tamadun bangsa.

Seterusnya, LB4SK5 merupakan ilokusi bahasa berterima kasih yang terdapat dalam D16-CM-H59 *Terima kasih bangsaku* menerusi dialog watak Mel. Penggunaan ungkapan terima kasih amat jelas menzhahirkan ilokusi ini sebagai tanda penghargaan kepada bangsa zaman silam yang berjaya membina tamadun bangsa. Ungkapan “Kagumnya saya mengenangkan hebatnya bangsa saya” mengekspresikan tanda berterima kasih dengan membuat pujian terhadap kehebatan bangsa zaman silam. Lakuan bahasa ini menzhahirkan kebanggaan dan penghargaan seseorang atas kehebatan bangsanya dalam membina empayar besar. Ilokusi berterima kasih dan mengucapkan tahniah menandakan penghargaan.

Subkategori LB4SK6 ilokusi bahasa menerima terdapat dalam empat data, iaitu D3-CM-H55, D11-CM-H58, D11-CM-H58 dan D18-CM-H60 yang mengekspresikan persetujuan. Dalam D3-CM-H55 dan D11-CM-H58 menunjukkan penggunaan kata kerja “akui” yang merupakan singkatan daripada kata kerja *mengakui*, iaitu bermaksud mengaku akan, menganggap sah dan menyatakan sesuatu yang benar (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2019) sebagai tanda penerimaan antara penutur dan pendengar dalam cerpen ini. Data D3-CM-H55 mengekspresikan penerimaan pendengar, iaitu Mel yang mengakui kebenaran kata-kata Bondanya tentang malapetaka yang sedang melanda anak bangsa. Sementara dalam D11-CM-H58 turut mengkomunikasikan ilokusi menerima watak Bonda yang mengaku benar atau menganggap sah bahawa bangsa kita merempat dan menjadi kelas ketiga di tanah air sendiri semasa zaman penjajahan dengan tujuan memberikan maklumat yang informatif kepada watak Mel.

Seterusnya, dalam D18-CM-H60 Mel, bonda *merestui* kamu untuk berhijrah ke ibu kota juga menunjukkan penggunaan ilokusi menerima apabila Bonda menggunakan kata kerja merestui (menyetujui) hasrat Mel untuk berhijrah ke kota setelah sekian lama Mel mengidamnya. Kamus Dewan Edisi Keempat, (2019) mendefinisikan *merestui* sebagai memberikan persetujuan, kebenaran dan keizinan sebagaimana dalam D18, iaitu Bonda menerima permintaan watak Mel (dalam D17) dengan memberikan keizinan atau kebenaran. Sementara D21-CM-H61 menunjukkan penggunaan kata kerja “akur” menerusi Saya *akur* dengan permintaan bonda yang mahu saya menjaga buku-buku itu dengan baik juga menunjukkan ilokusi bahasa menerima menerusi watak Mel yang akur dengan permintaan Bondanya (dalam D20). “Akur” bermaksud bersetuju, menyetujui atau menerima (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2019) sebagaimana dalam data D21-CM-H61. Ringkasnya, ilokusi bahasa menerima mencerminkan persetujuan, penerimaan, keakuran dan pengakuan watak dalam berkomunikasi agar komunikasi menjadi lancar dan bebas konflik sekali gus mencapai hasrat dan objektif komunikasi.

5. Kesimpulan

Berdasarkan analisis terhadap cerpen “Munysi” dengan menggunakan 24 data, didapati Lakuan Bahasa Bach & Harnish signifikan dan relevan untuk mengenal pasti dan menganalisis ilokusi bahasa yang digunakan oleh watak-watak dalam cerpen “Munysi”. Ilokusi bahasa menyerlah dalam teks cerpen sebagai tujuan untuk menasihati, menyampaikan mesej dan menyampaikan hasrat untuk mencapai objektif dan matlamat komunikasi. Dapatan kajian ini juga sekali gus menunjukkan bahawa LB1 Arahan dan LB4 Pengakuan mendominasi ilokusi bahasa yang dimanfaatkan oleh watak-watak dalam cerpen “Munysi” untuk menyampaikan hasrat, komitmen, harapan dan menzahirkan corak pemikiran serta tindakan agar kedua-dua pihak, iaitu pendengar dan penutur berpuas hati. Dalam berkomunikasi, penutur mengkehendaki pendengar untuk menerima mesej dan mengambil tindakan agar perkara yang dihasratkan mencapai objektifnya, begitu juga sebaliknya jika perubahan peranan antara kedua-duanya. Tuntasnya, ilokusi bahasa berupaya memberikan impak pematuhannya terhadap ilmu linguistik dan pragmatik yang menjurus kepada kelancaran, pencapaian hasrat dan makna dalam komunikasi.

Rujukan

- Abd Ganing Laenggang, Rohaidah Haron & Razak Ab Karim. (2019). Ilokusi bahasa ekspresi Tun Dr. Mahathir: Kajian kes terhadap 40 artikel Chedet.CC. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, hlm. 127-137.
- Abdul Aziz Yusuf. (2003). *Komunikasi untuk pengurus*. Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Aminnudin Saimon, Lisa Licson, Nur Aisyah Mohamad Taufek, Siti Hajar Japar & Siti Nor Asmira Razali. (2021). Ilokusi bahasa arahan dalam teks ucapan perdana menteri berkaitan perintah kawalan pergerakan (PKP). *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12 (1), 63-78.
- Aminuddin Saimon. (2019). *Lakuan bahasa dalam filem melayu terpilih*. Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan lakuan pertuturan dalam mesyuarat. *Jurnal Linguistik*, 19(1), 048-057.
- Ahmad Mahmud Musanif. (1998). Tanya- Jawab dalam novel ‘Salina’ karangan A. Samad Said: Satu kajian berdasarkan analisis Teori Lakuan Pertuturan. Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Bach, K. & Harnish, R. M. (1979). *Linguistics communication and speech acts*. The MIT Press.
- Cerny, M. (2007). On the function of speech acts in doctor – Patient communication. *Linguistica Online*. Published: August 3rd, 2007.1–15. <http://www.phil.muni.cz/linguistica/art/cerny/cer-001.pdf>.
- Chaer, Abdul & Leonie Agustina. (2010). *Sosiolinguistik*. Rineka Cita.
- Dylgjeri, A. (2017). Analysis of speech acts in political speeches. *European Journal of Social Sciences Studies*. 2 (2), 19-26. <http://dx.doi.org/10.5281/zenodo.344518>.
- Harshita Aini Haroon, Noor Asliza Abdul Rahim, Noriha Basir dan Zaliza Zubir. (2020). Ilokusi ucapan Zahid Hamidi dalam PAU 2017 dan 2018. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(2), 96-114.
- Hanna, N. & Richards, D. (2019). Speech act theory as an evaluation tool for human-Agent communication. *Algorithms*. 12 (79), 1 – 17. <http://dx.doi.org/10.3390/a12040079>.
- Hetti Waluati Triana & Idris Aman. (2011). Ilokusi tutur menolak generasi muda minangkabau: Cermin budaya popular dalam interaksi sosial. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*, 11(1), 17-34.
- Husna Nazri. (2014). *Antologi jaket kulit dari Istanbul*. Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Indirawati Zahid & Muhammad Nasri Selamat. (2022). Lakuan ilokusi dalam kenyataan Perdana Menteri Singapura untuk mengekang penularan COVID-19. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 77–104. [https://doi.org/10.37052/jb22\(1\)no4](https://doi.org/10.37052/jb22(1)no4).
- Jesselyn Chin Mui Fah, Wan Robiah Meor Osman & Nor Fazila Ab Hamid. (2023). Penggunaan bahasa dalam teks ucapan kehakiman dari sudut lakuan bahasa. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 11(3), 2023: 79–93. (<https://doi.org/10.17576/jatma-2023-1103-06>).
- Kamus dewan edisi keempat*. (2019). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Kurikulum bersepadu sekolah menengah: Sukatan pelajaran bahasa Melayu*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Maslida Yusof & Karim Harun. (2015). Analisis ilokusi tutur dalam ruangan status facebook. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, Jilid 31(2) 2015: 151-168.

- Moleong, Lexy. (2015). *Metodologi penelitian kualitatif*. PT Remaja Rosdakarya.
- Muhammad Zuhair Zainal. (2017). Ilokusi guru dalam pengajaran bahasa Melayu. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(4), 191-208.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh, Maslida Yusof & Karim Harun. (2021). Kajian Lakuan Bahasa di Malaysia: Analisis terhadap Trend Data. *Jurnal Linguistik*, 25 (2), 096-110.
- Norhasliza Ramli, Norfazila Ab. Hamid & Riduan Makhtar. (2019). Lakuan tuturan ilokusi dan perlokusi dalam penamaan wifi: Satu pemerhatian. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16 (2), 1-9
- Noriha Basir, Ina Suryani Abd. Rahim & Mohamad Zaki Abdul Halim. (2020). Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme melalui Perangkaan Data Kes COVID-19 di Malaysia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11, 11-30. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.2.2020>
- Normah Ahmad, Amirah Ahmad, & Sharina Shaharuddin. (2020.) Ilokusi bahasa permintaan dalam kalangan pelajar Melayu di Akademi Pengajian Bahasa di UiTM Shah Alam. *Jurnal Linguistik*, 24 (2), (01-16).
- Ronald B. Adler & George Rodman. (2003). *Understanding human communication*. Oxford University Press.
- Saidatul Nornis Hj Mahali. (2012). Situasi, peristiwa dan lakuan bahasa dalam kalang sama. *Akademia*, 82(1), 3-14.
- Searle, J. R. (1969). *Speech acts: An essey in the philosophy of language*. Cambridge University Press.
- Searle, J. R. (1979). *Expression and meaning*. Cambridge University Press.
- Sharifah Farah Adila Syed Faizal Badrul. (2016). Lakuan bahasa menolak dalam filem Labu dan Labi. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan, Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa, UiTM, Shah Alam.
- Wan Robiah Meor Osman, Hamidah Wahab & Siti Marina. (2018). Penggunaan bahasa dalam sesi kaunseling dari sudut lakuan bahasa. *Jurnal Bahasa* 10(6): 54-73.
- Zul Fikri Zamir Mohamad Munir. (2012, Jun). Bahasa dan sastera tonggak kegemilangan bangsa. *Dewan Bahasa*, 29-31.

Biodata Penulis

Sara Beden (Ph.D) ialah pensyarah akademik di Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Tun Abdul Razak Kota Samarahan, Sarawak. Bidang pengkhususan beliau ialah Bahasa Melayu (Pragmatik) dan Kesusasteraan Melayu (Kritikan sastera).